

CNS7821

U GB 09-12 00171 BA794

bah

Mahathir - Sultan

MT UMNO BERMESYUARAT TERGBMIJAR ESOK MENGENAI ISU SULTAN PUKOL GOMEZ

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama).-- Majlis Tertinggi UMNO akan mengadakan mesyuarat tergepar esok bagi membincangkan isu Sultan Johor didakwa memukul jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Douglas Gomez, di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, minygu lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO berkata, mesyuarat itu akan membincangkan secara khusus peristiwa yang berlaku di Johor itu secara menyeluruh, kesannya dan tindakan yang harus diambil oleh UMNO berkubung perkara tersebut.

+Kita hendak bincang semua perkara dari semua sudut. Kita belum tahu lagi apa kedudukan sebenar (tindakan yang boleh diambil), + katanya ketika ditanya pemberita di Bangunan Parlimen, di sini hari ini.

Katanya, Dewan Tertinggi Barisan Nasional juga akan membincangkan perkara yang sama Sabtu ini.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat kabinet hari ini telah turut membincangkan isu itu kerana menjadi kebiasaannya ia menyentuh perkara-perkara semasa yang mempunyai kepentingan umum.-- Lagi.

♥09/12/17-54MST

CNS7876

R GB 09-12 00153. BA799

bah

Mahathir - Sultan 2 Kuala Lumpur

Gomez, 52, melaporkan kepada polis yang dia dipukul oleh Sultan Johor di Istana Bukit Serene di sini pada 30 Nov, setelah 'dipanggi' menghadap ekoran kenyataannya yang mengkritik kepimpinan Persatuan Hoki Johor.

Beliau membuat kritikan itu ekoran penarikan diri pasukan hoki MSAB daripada Kejuaraan Antara Juara Sekolah-sekolah Malaysia di Kuala Lumpur.

Ketika ditanya sama ada mesyuarat Kabinet hari ini membuat sebarang keputusan berhubung tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap perkara itu, Dr Mahathir berkata: +Kita akan bincang kemudian,+

Kepada soalan sama ada mesyuarat MT UMNO esok akan mengusulkan supaya Majlis Raja-raja menyadakan persidangan bagi membincangkan perkara berkenaan, beliau berkata: +Terpulang kepada mesyuarat+.

Beliau ditanya lagi sama ada MT UMNO akan turut mencadangkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berhubung kedudukan raja-raja ekoran isu tersebut, Beliau berkata, semuanya bergantung kepada hasil mesyuarat itu.-- Lagi.

♥09/12/18-22MST

CNS7877

R GB 09-12 00151 BA800

bah

Mahathir - Sultan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Kepada soalan lain, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan untuk berjumpa dengan Anggota Dewan Undangan Negeri Johor dan Anggota Parlimen dari negeri itu bagi membincangkan isuitusemasa lawatannya ke Johor pada 16 Dis.

Bagaimanapun, katanya, perjumpaan itu tidak termasuk dalam agenda lawatannya.

Beliau juga ditanya mengenai perkembangan isu penjualan 10 juta saham Telekom yang diberikan kerajaan kepada sayapelaburan MIC, Maika Holdings. Isu itu telah menyebabkan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Velludan beberapa orang pemimpin kanan MIC disoalsiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Dr Mahathir berkata: "Dari segi kita (kerajaan), tidak ada apa-apa lagi tindakan sehingga BPR buat laporan."

Katanya, setakat ini beliau belum menerima sebarang laporan BPR berhubung perkara itu dan mengikut amalan biasa, tambahnya, BPR akan merujuk terus kesnya kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.--
Bernama .

▼09/12/18-22MST